

Silat akan terus disemarakkan sebagai aktiviti sukan utama di Sarawak – Abang Johari

KUCHING, 28 Feb – Silat merupakan salah satu aktiviti sukan utama yang akan terus diberi keutamaan seperti sukan-sukan lain, oleh itu kita akan bekerjasama dengan persatuan-persatuan serta perguruan silat untuk menyemarakkan lagi latihan supaya dapat melahirkan atlit bertaraf antarabangsa dari Sarawak.

Demikian menurut Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg ketika berucap merasmikan Kejuaraan Silat Premier Antarabangsa Sarawak 2023 di Stadium Perpaduan di sini, malam tadi.

Menurut beliau, silat sekarang ini bukan lagi dianggap olahraga peringkat kampung tetapi telah mencapai peringkat antarabangsa malah dikenali di seluruh dunia.

Terdahulu dalam ucapan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Keusahawanan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata kerajaan Sarawak dan Rumpun Silat Sarawak akan terus memartabatkan silat serta memastikan kejuaraan ini akan meninggalkan kesan besar bukan sahaja pada sukan silat, malah kepada warisan seni dan budaya kita supaya dijulang tinggi dipersada dunia.

"Dengan segala kelengkapan dan fasiliti sukan yang ada, serta sokongan Premier maka Sarawak bersedia menjadi pusat tumpuan acara sukan berkelas antarabangsa untuk dianjurkan, sekali gus dapat memacu pertumbuhan ekonomi," tambahnya lagi.

Kejuaraan Silat Premier Antarabangsa Sarawak 2023 edisi sulung ini disertai oleh atlit-atlit dari 11 buah negara dan 11 buah negeri di Malaysia, berlangsung di Stadium Perpaduan Sarawak bermula 27 Febuari sehingga 5 Mac depan.

Pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan sempena kejuaraan tersebut antaranya larian pendekar serta pesta jualan makanan dan Festival Kebudayaan.

Kejuaraan ini menawarkan hadiah lumayan kepada juara keseluruhan iaitu sebanyak USD20,000 selain tali pinggang kejuaraan yang turut diperkenalkan buat pertama kali bagi juara keseluruhan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Keusahawanan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Presiden Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan (PESAKA), Datuk Wira Megat Zulkarnain Tan Sri Omardin dan Timbalan Presiden Rumpun Silat Sarawak Dato` Mohamad Yusnar Matalie. **-TAMAT-**

Disediakan: Jemat Saie (BMKK)

Foto: Jaid Tepus, Cassidy Lisut & Lance Dunstan(BKVS)

FOTO MENUNJUKKAN:

Foto 1&2: Ketibaan Premier serta tetamu kehormat di beri sambutan meriah.

Foto 3: Ketibaan Premier serta tetamu kehormat dalam upacara memakan sirih di majlis tersebut.

Foto 4: Premier menyempurnakan upacara perasmian Kejuaraan Silat Premier Antarabangsa Sarawak 2023.

Foto 5 &6: Premier menyampaikan cenderamata kepada ketua-ketua kontinjen Silat dari negara-negara yang menyertai Kejuaraan Silat Premier Antarabangsa Sarawak 2023.

Foto 7,8 & 9: Antara persembahan selingan semasa edisi pembukaan Kejuaraan Silat Premier Antarabangsa Sarawak 2023.

(sila dapatkan gambar melalui e-mail)

KUCHING

Disediakan pada 12.30pm